

# Derma Darah

Isipadu darah yang diambil bergantung kepada berat badan penderma. Jumlah maksimum darah yang boleh didermakan ialah 450 ml bagi berat badan melebihi 50 kg.



**D**ARAH merupakan satu komponen penting dalam rawatan kesihatan. Keperluan dan permintaan terhadap darah semakin meningkat hasil daripada kemajuan teknologi perubatan dan peningkatan bilangan hospital kerajaan dan swasta. Rawatan kes-kes seperti pembedahan jantung, pemindahan organ, rawatan pesakit talasemia, haemofilia dan anemia memerlukan pemindahan darah.

Kementerian Kesihatan Malaysia meletakkan sasaran untuk menjadikan sekurang-kurangnya 5 peratus daripada rakyat Malaysia sebagai penderma darah. Walaupun sasaran ini masih belum tercapai, namun semenjak kebelakangan ini, jumlah pendermaan darah telah menunjukkan peningkatan daripada setahun ke setahun. Sebagai contoh, pada tahun 2007, statistik kutipan darah di seluruh negara adalah sebanyak 507,461 unit darah telah didermakan berbanding dengan 477,365 unit pada tahun 2006.

Segala usaha dan matlamat untuk membekalkan darah yang secukupnya bagi kegunaan pesakit tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat sokongan daripada seluruh masyarakat. Kesedaran

dalam kalangan masyarakat amat perlu sekiranya kita ingin menjadikan pendermaan darah ini sebagai satu tanggungjawab dan budaya hidup bermasyarakat.

## Jenis Pendermaan

Pendermaan darah boleh dilakukan melalui dua cara, iaitu pendermaan darah penuh dan pendermaan secara aferesis.

• **Pendermaan Darah Penuh**  
Ini merupakan pendermaan darah yang biasa dilakukan. Darah yang didermakan ini akan diproses di makmal mengikut beberapa komponen seperti plasma, platelet dan sel darah merah.

Isipadu darah yang diambil

bergantung kepada berat badan penderma. Jumlah maksimum darah yang boleh didermakan ialah 450 ml bagi berat badan melebihi 50 kg.

Sekiranya berat badan di antara 45-50 kg, kuantiti darah yang boleh didermakan pula sebanyak 350 ml. Keseluruhan proses menderma darah mengambil masa lebih kurang 30 minit. Penderma darah penuh ini boleh menderma setiap 3 bulan sekali.

• **Pendermaan Aferesis**  
Pendermaan aferesis ialah pendermaan plasma dan platelet, atau kedua-duanya sekali dengan menggunakan mesin aferesis. Masa yang diambil untuk menderma antara 30 minit hingga 45 minit bagi plasma dan 45

minit hingga 75 minit untuk menderma platelet. Oleh sebab pendermaan aferesis tidak mengambil sel darah merah penderma, maka penderma boleh menderma darahnya dengan lebih kerap. Tempoh antara setiap pendermaan ialah 2 minggu sekali.

## Proses Pendermaan Darah

1. Penderma perlu mengisi borang/kad pendaftaran pendermaan darah.
2. Menimbang berat badan
3. Menjalani ujian darah bagi mengenal pasti kumpulan darah dan kandungan hemoglobin darah.
4. Menjalani sesi kaunseling dengan Pegawai Perubatan / Jururawat.
5. Pendaftaran dan penderma diberikan buku penderma darah.
6. Seterusnya, proses menderma darah yang mengambil masa di antara 7 - 15 minit.
7. Selepas selesai pendermaan dan jarum dikeluarkan, penderma perlu berehat sekurang-kurangnya 10 minit sebelum bangun semula.
8. Penderma akan dihidangkan dengan makanan / minuman ringan untuk memberikan tenaga.

B/H 06/7/12 MS 30

## Nasihat Kepada Penderma Selepas Menderma

1. Selepas menderma, penderma dinasihatkan supaya berehat di atas katil sekurang-kurangnya selama 10 minit. Selepas itu, bolehlah bangun daripada katil sekiranya tiada apaapa masalah seperti loya, pening, kelihatan pucat atau rasa hendak pitam.
2. Penderma juga digalakkan mengambil minuman dan makanan yang telah disediakan selepas menderma.
3. Dinasihatkan meminum banyak air masak dalam tempoh 12 jam selepas menderma. Ini adalah untuk mengembalikan cecair yang hilang semasa pendermaan darah.
4. Jangan mengambil minuman beralkohol beberapa jam selepas menderma.
5. Jangan mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti lasak seperti menyelam, berenang mendaki gunung dan lainlain dalam tempoh 24 jam selepas menderma.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

